

BAB 2

TINJAUAN PERSURATAN

2.1 Pendahuluan

Penyelidikan dan penulisan tentang pembangunan komunikasi telah dilakukan oleh ramai pengkaji khususnya tentang komunikasi massa yang berkait dengan *ICT*. Sejumlah orang melihat ini sebagai suatu *revolusi komunikasi* atau abad komunikasi elektronik. Schramm (1988) dalam bukunya, *Men, Women, Messages and Media*, menyatakan bahawa setiap perkembangan utama dalam komunikasi manusia telah bermula dari suatu perkembangan baru yang penting dalam teknologi komunikasi. Revolusi komunikasi ini berlaku dalam setiap bidang termasuk bidang pendidikan yang telah memungkinkan sebilangan manusia sedar untuk belajar sehingga ke peringkat yang mampu mereka capai.

Kemajuan teknologi dewasa ini telah meledakkan sumber maklumat yang berlempahan untuk manusia. Masyarakat kini sedang dalam proses berubah ke era yang setanding dengan perubahan dunia luar. Pelbagai ahli menyebut masyarakat yang akan terbentuk ini dengan bermacam panggilan. Ada yang menyebut zaman yang baru ini sebagai *post-bourgeois, post-capitalism, post-modern, post-civilized, post-economic* dan sebagainya. Namun, Daniel Bell menyebut masyarakat ini dengan panggilan masyarakat zaman *post-industrial* (Wizard, 1982).

Bell (1979), memberikan penekanan kepada kemunculan sistem komunikasi yang dihasilkan oleh kemajuan pembangunan teknologi seperti yang dinyatakan pada para satu di halaman 34. Kesemua sistem ini memungkinkan masyarakat mendapat sumber maklumat yang diperlukan secara cepat, pantas dan menjimatkan masa.

Kemajuan teknologi ini, menurut Ploman (1981), mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri iaitu ia cenderung ke arah desentralisasi, individualisasi dalam konsep dan pola pemakaian teknologi komunikasi. Ia juga memberikan kesempatan kepada pengguna untuk memilih di antara pelbagai kaedah dan alat untuk memudahkan manusia berkomunikasi. Ekoran ini terjadilah gabungan kepelbagaian teknologi yang mengakibatkan wujudnya potensi ciri yang tidak terbatas dalam teknologi komunikasi sehingga penerapannya boleh meliputi pelbagai bidang kehidupan manusia.

Hedebro (1979), telah mengenal pasti tiga aspek komunikasi dan pembangunan yang berkaitan dengannya iaitu pertama, pendekatan yang tertumpu kepada pembangunan sesuatu bangsa dan bagaimana media massa dapat memainkan peranannya. Fungsi dan politik media massa dilihat sebagai suatu bidang pengajian, begitu juga dengan masalah yang berkaitan dengan struktur organisasi dan kawalan terhadap media. Kedua ialah pendekatan untuk memahami peranan media massa dalam pembangunan negara. Menurut pendekatan ini, media dilihat sebagai pendidik atau guru dan persoalannya ialah bagaimana media boleh dimanfaatkan secara berkesan untuk mengajar masyarakat pelbagai ketramplinan dan dalam keadaan tertentu mempengaruhi sikap mental dan perilaku mereka. Manakala pendekatan ketiga ialah yang beroorientasikan perubahan baru kepada masyarakat dengan cara memperkenalkan idea baru atau sebarang maklumat yang ingin disebarluaskan dan melihat bagaimana komuniti ini digunakan sebagai alat untuk pembangunan.

Peranan komunikasi dalam pembangunan ini turut disebut oleh Hedebro (1979), sebagai komunikasi yang boleh menghasilkan suasana perubahan berdasarkan nilai, sikap mental dan bentuk perilaku manusia, ketramplinan baru dalam era perubahan yang menemukan norma baru dan keharmonian diri dalam kelompok, sumber daya

pengetahuan yang berlipat ganda, perancangan dan pelaksanaan program pembangunan yang berkaitan dengan keperluan penduduk, pembangunan dari segi ekonomi, sosial dan politik yang merupakan suatu proses yang berasaskan, menimbulkan rasa semangat kebangsaan dan setia kepada negara, mengubah struktur kekuasaan kepada masyarakat yang bercirikan konsep tradisional massa, melahirkan masyarakat yang boleh membuat keputusan dan meningkatkan aspirasi yang merupakan perangsang untuk bertindak dengan lebih bersemangat.

Manakala Schramm (1964), menyatakan bahawa tugas dan fungsi komunikasi dalam konteks perubahan sosial dan pembangunan negara ialah:

- i.. Untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat tentang pembangunan negara supaya masyarakat dapat memberikan tumpuan dan aspirasi kepada perubahan ini.
- ii. Untuk memberikan peluang kepada masyarakat mengambil peranan secara aktif dalam proses membuat keputusan bertujuan untuk mewujudkan suasana perjalanan maklumat secara berkesan.
- iii. Untuk mendidik generasi muda menjadi tenaga kerja berkualiti yang diperlukan oleh negara.

Schramm merumuskan bahawa peranan yang dimainkan oleh komunikasi media ialah selaku pemberi maklumat, pembuat keputusan dan sebagai pendidik yang mendidik manusia menjadi masyarakat yang berilmu dan bermaklumat. Selaku pemberi maklumat, mesej yang hendak disampaikan seharusnya mencapai tahap motivasi yang tinggi bukan hanya sekadar difahami oleh penerima sahaja.

Dalam dunia Gelombang Ketiga ini, perkembangan teknologi komunikasi baru seperti media elektronik amat bermakna dan penting kepada semua lapisan masyarakat.

Menurut Tubbs dan Moss (2003), media massa utama di sekeliling kita adalah terdiri daripada radio, televisyen, komputer, filem, buku, surat khabar dan majalah. Kini komputer merupakan teknologi maklumat dan komunikasi yang tercanggih dalam perkembangan dunia. Teknologi ini menawarkan pelbagai kemudahan di dalam keseluruhan wacana kehidupan sosial, politik, ekonomi, pendidikan dan kebudayaan masyarakat. Kemudahan yang diperoleh ini adalah daripada penggunaan internet sebagai satu kekuatan baru dalam dunia mendapatkan maklumat secara bebas. Internet dianggap sebagai sebuah saluran komunikasi yang besar dan luas ruang lingkupnya. Ia akan menjadi satu ruang awam yang memungkinkan manusia boleh saling berkomunikasi dan berinteraksi secara bebas.

Dalam situasi ini juga kemajuan teknologi komunikasi turut berkembang dalam bidang pendidikan dan membuka peluang kepada pelajar untuk meningkatkan ilmu pengetahuan mereka ke tahap yang tertinggi. Kemampuan diri masing-masing adalah bergantung kepada kebijaksanaan mereka mengakses maklumat yang diperlukan. Mungkin dalam bidang pendidikan, pelajar akan mencari maklumat yang berkaitan dengan bidang disiplin ilmu pengajian mereka. Walau bagaimanapun, pemerhatian dan minat pelajar akan turut terikat kepada kekuatan sifat maklumat yang ada dalam saluran media tersebut.

Seperti kata MaxWell McCombs dan Donald L. Shaw (1972) dalam rencananya berjudul, “ Fungsi Pembentukan Media Massa”, menyatakan kesan langsung media terhadap masyarakat ialah dengan cara melihat bagaimana ia mempengaruhi fikiran rakyat dalam pilihan raya. Justeru itu, media elektronik khususnya yang berkait dengan saluran dan jaringan internet ini amat bersifat individualistik dan amat kuat

mempengaruhi orang tertentu berdasarkan kekuatan maklumat yang terkandung di dalamnya.

Namun, dalam dunia pendidikan, teknologi komunikasi ini cenderung membuat seseorang itu belajar tanpa terikat oleh jarak dan waktu seperti adanya sistem pembelajaran jarak jauh (*distance learning*). Sistem ini membantu mengatasi kurangnya tenaga pengajar dan daya tampung pendidikan formal melalui sistem pembelajaran secara terbuka, belajar dengan bantuan komputer serta bentuk kegiatan pembelajaran lain baik yang formal atau bukan formal seperti sistem siaran radio, televisyen dan media komunikasi lain. Semua ini memungkinkan manusia menjadi masyarakat yang berpengetahuan dan bermaklumat.

Dalam abad ke-21 ini, konteks Masyarakat Bermaklumat secara tidak langsung akan menjurus kepada golongan remaja yang bersemangat menyiapkan diri mereka menjadi sebagai sumber tenaga negara. Mereka merupakan golongan pelajar atau mahasiswa yang mampu meraih apa sahaja ilmu pengetahuan daripada apa sahaja sumber yang senang diperoleh. Pendek kata, zaman revolusi teknologi maklumat ini merupakan zaman yang seimbang dengan perkembangan dan kemajuan yang mereka inginkan. Mereka merupakan golongan yang mempunyai jati diri dan mahu ke depan, bersemangat patriotisme yang kental dan berani menghadapi cabaran dunia luar, maka merekalah yang kita nantikan untuk memberi sumbangan besar ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara maju yang bertaraf dunia abad ke-21.

Apabila menyusuri abad ini, kita akan dapati bahawa kesemua aspek kehidupan dan kualiti manusia akan turut berubah secara mendadak. Mengikut Naibitt (1990), arus perubahan ini didominasikan oleh gelombang Westernisasi atau Kebaratan dan Asianisasi (Naibitt, 1995). Fahaman hidup yang berdasarkan ilmu pada abad ini adalah

berdasarkan kebendaan semata-mata. Kehidupan di abad ini akan mencetuskan banyak perubahan dan gaya hidup yang berbeza dengan kehidupan lampau. Perubahan yang ketara dalam gelombang ini ialah pengaruh perkembangan teknologi baru yang mungkin akan memberikan kebaikan atau di sebaliknya. Sifat kemanusiaan akan turut berubah dan akan lahir manusia baru yang berteraskan alam siber dan digital. Gelombang teknologi ini akan mengakibatkan berlakunya perubahan dalam paradigma kemanusiaan dan mengarahkan kehidupan manusia bersifat mekanistik dan robotik.

Apakah arus perubahan ini akan mengakibatkan manusia menjadi hamba kepadanya? Inilah cabaran yang akan dipikul oleh pelajar selaku peranan dan tanggungjawab mereka untuk memperbaiki keadaan ini. Sekiranya mereka tidak peka dan prihatin tentang perkembangan dan penggunaan teknologi maka atas keilmuan mereka juga akan turut terjejas. Hakikatnya mereka sentiasa harus berwaspada dan mengikuti landasan dan disiplin ilmu yang betul.

Oleh yang demikian, golongan pelajar ini amat digalakkan untuk bersiap sedia menerima perubahan ini dan bukannya mengikuti arus perubahan yang terjadi. Semangat kental dan kualiti diri yang kuat diperlukan dalam setiap diri penuntut untuk mereka menguasai perubahan yang berlaku. Faktor kejayaan akan bergantung kepada kemampuan mereka mengakses maklumat dan cara bagaimana yang baik untuk mengaplikasikan maklumat itu. Sebagaimana kata Newman (1801-1890) dalam bukunya, *The Idea of a University*, pembangunan intelek tidak hanya bergantung pada pertambahan ilmu pengetahuan semata-mata tetapi haruslah menitikberatkan pada keupayaan diri individu itu untuk mengolah sesuatu maklumat. Dengan cara ini, maklumat akan dapat diperluaskan melalui pemerhatian secara bersungguh-sungguh. Maka di sini akan timbul kepekaan atau keprihatinan seseorang terhadap sesuatu

perkara yang diberikan tumpuan. Justeru, akan menjurus kepada kuasa yang boleh mempengaruhi fikiran seseorang.

2.2 Falsafah Pendidikan Negara

Selaras dengan ini juga, pihak Kementerian Pelajaran telah memberikan garis panduan dalam Dasar Pendidikan Negara dengan penekanan kepada pendidikan yang bercorak konstruktif dalam pengajaran dan pembelajaran. Falsafah pendidikan adalah bertujuan untuk (a) mendapatkan pengetahuan yang diperlukan, (b) untuk memahami tentang kehidupan manusia, (c) untuk membangunkan personaliti dari segi rohani, fizikal, moral, intelek dan psikologi, (d) untuk mewujudkan kesedaran sivik serta memupuk nilai-nilai murni, dan (e) untuk mencapai kehidupan yang baik.

Oleh yang demikian, percambahan maklumat yang banyak dan pelbagai ini tidak semestinya dapat diterima dan difahami oleh semua pelajar. Mereka akan mengakses maklumat yang diperlukan sahaja untuk pengetahuan yang boleh dimanfaatkan dalam pengajian. Maklumat yang tidak berkaitan dengan bidang pengajian tidak akan mendapat perhatian kecuali dalam konteks ‘diarah’ atau diperoleh daripada media lain seperti akhbar, majalah, televisyen, radio dan seminar yang diadakan dari semasa ke semasa membahaskan tentang pokok persoalan yang sama.

Pelbagai kemahiran dan teknik diterapkan dalam pembelajaran khususnya yang menyentuh tentang pembacaan. Pembacaan yang menggunakan konsep kelajuan membaca dan *accelerated learning* juga diterapkan bagi menguji kekuatan otak pelajar menangkap sesuatu perkara yang penting. Colin Rose (1997) dalam bukunya, *Accelerated Learning for the 21st Century: The 6 - Step Plan to Unlock Your M.A.S.T.E.R. Mind*, memberi penekanan kepada teknik membaca ‘super’ sebagai

mencapai tahap kefahaman yang cepat dalam konteks limpahan maklumat yang banyak. Konsep ini memberi gagasan bahawa setiap pembacaan harus ditekankan dengan konsep membuat tinjauan, mencari gagasan dan fakta kunci, membuat sketsa, menimbulkan pertanyaan, pembacaan laju, tinjauan semula dan mengulangi. Amalan ini akan dapat membantu konsep pemahaman dan keprihatinan diwujudkan secara berkesan.

Dalam budaya pengembangan ilmu, peranan pelajar tidak dapat dipisahkan daripada gedung perpustakaan yang berfungsi sebagai menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada mereka. Kini perkhidmatan yang ditawarkan oleh perpustakaan adalah selari dengan perkembangan era teknologi maklumat yang berasaskan teknologi elektronik. Pelaksanaan ‘lebuh raya maklumat’ telah membolehkan seseorang mendapatkan maklumat di mana-mana sahaja mereka berada sama ada di rumah, pejabat, perpustakaan, kedai dan sebagainya. Kemajuan teknologi dalam bidang ini telah memperlihakan wujudnya penerbitan elektronik dalam pelbagai bentuk seperti CD-Rom, kaset dan penerbitan dalam talian.

Dalam pelan Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005), kerajaan telah memberikan penekanan kepada pertumbuhan ekonomi negara berasaskan pengetahuan atau dikenali sebagai (k-ekonomi). Menuruk mereka, k-ekonomi ini akan dijadikan penjana atau sebagai satu strategi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Sebagai inisiatifnya, *MSC* dijadikan landasan asas untuk membangunkan k-ekonomi ini manakala IPT dijadikan tumpuan selaku pusat pembangunan dan pengembangan pengetahuan.

Selaras dengan perkembangan teknologi lebuh raya maklumat, perpustakaan dan bilik sumber dibangunkan di setiap IPT dan perkhidmatan yang besepadu dan

berangkaian diberikan kepada pelajar. Implikasi daripada perkhidmatan ini wujudlah penggunaan kad pintar (*smart card*) yang digunakan untuk masuk ke perpustakaan dan untuk mencapai maklumat dari pangkalan data tempatan dan luar negara berasaskan kajian pelbagai bidang ilmu. Pelajar juga boleh merujuk dan menempah buku dari lokasi yang jauh pada bila-bila masa yang diperlukan. Perkhidmatan ini juga membolehkan bahan diperoleh dari mana-mana perpustakaan melalui Sistem Pembekalan Dokumen Elektronik.

Dalam era mewujudkan Masyarakat Bermaklumat dan berpengetahuan, kecanggihan perkhidmatan ini wajar sekali didedahkan kepada pelajar bagi memudahkan mereka belajar dan mencari ilmu secara bersungguh-sungguh. Ini menggalakkan nilai-nilai keprihatinan dalam diri dapat diterapkan ke dalam semua tindakan yang mereka lakukan. Kesungguhan dan kesedaran inilah yang diinginkan oleh pihak tertentu bagi menjadikan mereka katalis kepada pembangunan negara, (Rujuk Lampiran A: Najib Gesa Rakyat Kuasai *ICT*).

2.3 Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*ICT*)

Penerapan Teori Pembangunan Komunikasi dalam konteks perkembangan media elektronik sememangnya memainkan peranan dalam mengubah dan mencorakkan tingkah laku manusia untuk berubah. Menurut Quebral (1973), komunikasi pembangunan merupakan suatu inovasi yang harus diusahakan supaya diketahui ramai dan diterima sebelum digunakan. Beliau merumuskan bahawa komunikasi pembangunan adalah komunikasi yang dilakukan untuk melaksanakan perancangan pembangunan sesuatu negara. Tetapi sejauh mana tahap perubahan yang diterima akan bergantung pula pada faktor persekitaran lain yang mungkin mempengaruhinya.

Peranan media akan menjadi lebih berkesan sekiranya maklumat yang disalurkan itu mempunyai ciri-ciri yang berupaya mengubah perjalanan psikologi dalam seseorang seperti motivasi, tingkah laku dan sikap untuk bertindak balas secara terbuka.

Perubahan ini disebut juga sebagai perubahan paradigma atau anjakan paradigma iaitu berlakunya perubahan atau peningkatan dalam diri seseorang. Perubahan ini mungkin timbul daripada kesedaran diri setelah pertimbangan dilakukan serasional mungkin atau perubahan berlaku disebabkan adanya agen yang melaksanakan tugas tersebut. Mengikut Rogers dan Shoemaker (1971), agen merupakan petugas profesional yang mempengaruhi keputusan inovasi khalayak untuk menurut arahan yang diingini oleh agen perubahan.

Havelock (1973) pula, menekankan bahawa agen perubahan adalah seorang yang membantu terlaksananya perubahan sosial atau suatu inovasi yang terancang. Kebanyakan mereka bekerja sebagai perancang kepada pembangunan dan bertindak selaku pemangkin yang menggerakkan masyarakat untuk berubah. Agen ini juga berfungsi sebagai penyelesaian kepada sebarang masalah yang timbul dan membantu dalam proses membentuk inovasi. Dalam kajian yang dilakukan ini, *MSC* merupakan komunikasi media elektronik dan alat kepada pembangunan, manakala pelaksananya merupakan agen kepada pelajar selaku golongan sasaran untuk berubah dan berkembang.

Peranan agen perubahan adalah sebagai perantara yang berfungsi untuk menyampaikan maklumat dan selaku penghubung. Fungsi pemberi maklumat dilakukan dalam bentuk seperti memperkenalkan maklumat, menghubungkan khalayak dengan pakar rujuk, menyiapkan bahan dan peralatan serta mendapatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal bagi golongan yang difokuskan untuk tujuan tertentu. Dalam

peranannya selaku orang yang memantapkan hasil yang dicapai, agen perubahan ini turut memperjelaskan kepada khalayak sasaran tentang ganjaran terhadap penampilan hasil yang akan dicapai. Hampir kesemua peranan yang dimainkan oleh agen perubahan ini merupakan strategi yang terlindung walaupun mereka selaku pengembang kepada pembangunan. Fungsi mereka tidak boleh kelihatan kerana mereka berperanan selaku orang yang membangkitkan kesedaran.

Peranan yang dimainkan oleh komunikasi dan kepentingannya dalam konteks pembangunan amat berkait rapat dengan perancangan pembangunan itu sendiri. Usaha pembangunan negara amat ditentukan oleh model pembangunan yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005). Rancangan ini memberikan penekanan kepada pembangunan masyarakat berilmu dan pembangunan ekonomi negara.

2.4 Teori Komunikasi Pembangunan

Dalam menghubungkan peranan komunikasi pembangunan dengan konsep pembangunan itu sendiri, Tehranian (1979), mengemukakan tiga tinjauan teori yang boleh dikaitkan dengan keadaan ini. *Teori pertama*, melihat pembangunan sebagai tujuan meningkatkan hasil atau pendapatan masyarakat yang melaksanakan pembangunan tersebut. Konsep pembangunan ini tidak menghiraukan sama ada hasil peningkatan tadi boleh dinikmati oleh segolongan masyarakat yang membangun ini ataupun tidak. Apa yang diperlukan ialah wujudnya peningkatan yang boleh mengarah kepada pembangunan secara lahiriah. Teori ini dikuasai oleh ahli teori ekonomi dan politik klasik serta neo-klasik yang melihat penyebaran pengetahuan dan maklumat secara berleluasa akan menghasilkan suatu keadaan yang baik bagi pertumbuhan ekonomi dan politik.

Teori kedua, memberi penekanan terhadap peningkatan rasionalisasi sebagai unsur utama dalam proses pembangunan. Teori ini memberi penekanan terhadap kepentingan nisbah, cara berfikir dan hal yang bersifat abstrak. Aliran ini dipelopori oleh Weber dan pengikutnya yang mementingkan rasionalisasi kebudayaan dan birokrasi dalam proses sosial. Fungsi komunikasi dalam proses pembangunan ialah untuk menyampaikan nilai kekuasaan rasional dan pertimbangannya yang membolehkan terhasilnya birokrasi moden dan masyarakat yang kuat bekerja.

Teori ketiga, merupakan pemikiran yang lahir daripada kesedaran diri masyarakat itu sendiri dalam gelombang dunia ketiga. Konsep yang dipegang ialah ilmu dan kebebasan. Aliran ini dipelopori oleh neo-Freud dan neo-Marxis yang menganggap peranan komunikasi itu ialah proses pembangkitan semangat kesedaran sejarah dan jati diri yang sah. Secara umumnya, teori yang berkait dalam proses perubahan sosial ini sebagai teori mobilisasi, difusi, McLuhanis dan teori sistem.

Teori mobilisasi banyak berkait dengan dasar pembangunan seperti peranan maklumat dalam membuat keputusan pembangunan (Schramm 1964) yang melihat bagaimana media massa dapat mencipta suasana yang kondusif bagi melaksanakan pembangunan. Pendekatan ini melihat bagaimana pembangunan boleh meningkatkan pengeluaran melalui industrialisasi yang cepat. Pengeluaran merupakan kunci kepada pembangunan dalam sesuatu masyarakat dan sektor yang paling produktif dalam pengeluaran barang ialah sektor industri. Oleh sebab itu, maka penekanan dalam kajian ini adalah bertujuan untuk melihat sejauh mana penglibatan golongan yang difokuskan itu dalam pembangunan ini. Dalam konteks ini, kajian akan meneliti keprihatinan mereka terhadap projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi meningkatkan pembangunan negara. Pelajar merupakan generasi yang bakal

mengambil alih segala tugas dalam industri dan selaras pula dengan pembangunan maklumat dalam media siber, diharapkan perancangan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan akan turut dicapai. Deutsch (1953), menekankan bahawa komunikasi memainkan peranan dalam nasionalisme dan penglibatan masyarakat. Begitu juga dengan teori Frey (1973), Inkeles dan Smith (1974), melihat peranan yang dimainkan oleh media dalam merangsang fikiran dan fleksibili kognitif masyarakat.

Secara keseluruhannya, kerangka ini adalah bertujuan untuk melihat peranan yang dimainkan oleh *MSC* dalam pembangunan negara. Melalui projek ini, media elektronik digunakan sebagai saluran komunikasi untuk menyampaikan mesejnya iaitu pelaksanaan tujuh projek aplikasi yang disebutkan sebelum ini. Aplikasi ini telah dimuatkan ke dalam kandungan media berkenaan.

Tetapi apakah sifat kandungan maklumat ini? Adakah ia mencukupi dan apakah kekuatan mesej yang dipaparkan itu boleh memikat golongan sasarannya? Inilah pernyataan masalah yang hendak dilihat dalam kajian iaitu sejauh mana golongan sasaran perihatin terhadap mesej yang dipaparkan melalui media yang membangun.

Menyorot kembali tentang pernyataan masalah kajian maka tumpuan akan difokuskan pada kekuatan penyebaran maklumat pelaksanaan aplikasi multimedia kepada golongan pelajar dan untuk mengetahui sejauh mana pula keprihatinan mereka terhadap pelaksanaan ini. Oleh itu, sorotan ini akan berkait dengan fungsi dan peranan media yang digunakan sebagai saluran untuk menyampaikan mesej tersebut. Teori yang digunakan adalah bertujuan untuk menguatkan keadaan dan melihat teori manakah yang berkesan digunakan dalam proses pembangunan melalui media ini

2.5 KAJIAN TEORI KEBERKESANAN MEDIA TERHADAP PEMBENTUKAN KEPRIHATINAN GOLONGAN PELAJAR

Dalam memperkatakan tentang kesan media, Harold Lasswell (1938), seorang pakar psikologi dari University Yale, dalam bukunya yang berjudul *Propaganda Technique in the World War*, mengemukakan teori komunikasi yang bercorak simplistik. Teori ini dikenali juga sebagai Model Lasswell yang menggambarkan proses komunikasi sehalia daripada sumber maklumat menyampaikan mesej melalui saluran kepada khalayak dengan tujuan tertentu seperti Siapa?- unsurnya komunikator, Berkata Apa?- unsurnya mesej, Melalui Saluran Mana? – unsurnya perantaraan, Kepada Siapa? – unsurnya penerima, Dan Apakah Kesannya? – unsurnya kesan.

Model ini telah memperlihatkan bagaimana penyampai mesej dianggap sangat berpengaruh dalam menyampaikan mesejnya. Tambahan pula pada ketika itu masyarakat diandaikan sebagai bersifat homogenus dan mesej media sangat mudah diterima oleh khalayak.

2.5.1 Teori Peluru Ajaib

Teori ‘Peluru Ajaib’ (*Magic Bullet Theory*) mengandaikan mesej media amat tepat menuju sasarannya dan memberikan impak yang berkesan kepada mereka tanpa sebarang bantahan. Mesej dianggap sebagai ‘peluru ajaib’ yang mempunyai kuasa untuk mencorak pendapat awam dan tingkah laku orang ramai mengikut kehendak komunikator. Andaian ini adalah selaras dengan perkembangan teori tingkah laku manusia dan teori yang dikenali juga sebagai teori ‘*Hypodermic Needle*’ dan teori ‘*Transmission Belt*’.

Teori tingkah laku ini berpendapat bahawa manusia mempunyai sifat-sifat yang seragam dan boleh bertindak balas terhadap sesuatu rangsangan. Dalam keadaan ini, manusia dikatakan tidak berada di alam yang rasional. Mereka tidak mempunyai kuasa untuk menentukan tingkah laku mereka sendiri dan tingkah laku ini dikawal oleh rangsangan yang mereka terima dari persekitaran.

Carl Hovland, seorang pakar psikologi pembelajaran dari University Yale, menyatakan bahawa unsur yang penting untuk mencapai keberkesanan media ialah unsur yang berkait dengan mesej seperti komunikator dan saluran. Apabila mesej disampaikan dengan baik, sasarannya tidak akan mempunyai banyak masalah untuk menerimanya.

Kajian Hovland menunjukkan bahawa khalayak lebih mudah menerima mesej yang disampaikan oleh komunikator yang mempunyai darjah kesahihan yang tinggi. Khalayak yang berpendidikan tinggi pula, mudah untuk menerima sesuatu saranan sekiranya mesej kedua-dua belah pihak disampaikan kepada mereka. Pembujukan akan menjadi lebih berkesan sekiranya mesej media menggunakan rayuan emosi daripada rayuan rasional

2.5.2 Teori Informasi

Dalam dunia global tanpa sempadan ini, konsep Masyarakat Bermaklumat didominasikan oleh golongan pelajar yang turut berkembang seiring perkembangan teknologi baru. Menurut Weaver (1949), ‘Teori Informasi’ atau maklumat adalah pengukur kepada kebebasan memilih mesej untuk disampaikan. Maklumat diertikan dengan pengukur darjah kebebasan pilihan secara rawak. Pengukur adalah

ketidakpastian dalam sesuatu keadaan dan dengan ini mesej yang dibentuk bergantung kepada tahap kekebasan memilih pada seseorang.

Dalam konteks ini, Teori Informasi merupakan asas kepada media elektronik moden dalam penyaluran maklumat melalui komputer dengan menggunakan ruang siber. Teori komunikasi informasi sering dikenali juga sebagai Model Matematik yang memberikan gambaran pengaliran maklumat secara sehala tanpa timbal balik. Perkataan yang hendak disampaikan sebagai mesej hendaklah berupaya menggunakan bahasa secara berkesan atau ciri-ciri yang berkesan dalam bahasa.

Menurut Asmah Haji Omar (1984), retorik bermakna kajian tentang penggunaan bahasa secara berkesan. Contohnya, iklan merupakan bahasa yang menarik untuk dipaparkan kepada khalayak. Begitu juga dengan maklumat yang hendak disampaikan mestilah dengan kekuatan bahasa yang boleh menarik minat sasaran. Bahasa iklan merupakan bahasa pengaruh dan retorik di dalamnya adalah retorik pengaruh.

2.5.3 Teori Kegunaan dan Pemuasan

Menurut McQuail dan Windahl (1981) dan Tan (1981) dalam ‘Teori Kegunaan dan Pemuasan’ yang telah diperkenalkan oleh Suchman (1942), Herzog (1944) dan Berelson (1949), mengandaikan bahawa (a) khalayak adalah sebagai individu yang aktif iaitu mempunyai tujuan dan matlamat tertentu apabila mendedahkan diri kepada media, (b) dalam proses komunikasi massa, pemilihan untuk menentuka media sesuatu keperluan adalah ditentukan oleh khalayak, dan (c) media sentiasa bertanding dengan sumber lain untuk memuaskan keperluan khalayak.

Berdasarkan andaian ini, maka dapatlah dilihat bagaimana pendekatan teori ini memberikan alternatif untuk melihat hubungan antara isi kandungan media dengan khalayak. Pendekatan ini melihat isi kandungan media sebagai fungsi daripada tahap cita rasa. Ini memberi pengertian bahawa seseorang individu akan menggunakan isi kandungan media untuk mendapatkan sesuatu keperluan. Dengan ini tingkah laku individu akan dipengaruhi oleh keperluan dan minat individu tersebut tetapi bukannya disebabkan oleh ciri-ciri kandungan media.

Mengikut McQuail (2000), keperluan yang diinginkan oleh individu apabila mendedahkan diri mereka kepada media ialah (a) kepelbagaian, (b) keperluan maklumat untuk bahan perbualan dalam interaksi sosial, (c) pengukuhan nilai, memberikan jaminan diri, memahami diri dan menerokai realiti hidup, dan (d) mencari maklumat yang boleh mempengaruhi diri atau melakukan sesuatu.

Namun, dalam apa keadaan sekali pun, media tetap berfungsi sebagai alat yang boleh mempengaruhi fikiran khalayak walaupun kesan media dikatakan agak terbatas. Dalam buku *Theories of Communication*, Littlejohn S.W. (1999), menerangkan bahawa seorang pengkaji media, Raymond Bauer telah memperkenalkan istilah ‘*obstinate audience*’ yang menekankan pengaruh persendirian dan kumpulan lebih berperanan dalam membentuk pendapat dan media sukar untuk mendekati dan mempengaruhi khalayak seperti ini.

Joseph Klapper (1999) pula, memberi penekanan terhadap konsep ‘*reinforcement*’ yang menyatakan bahawa media tidak cukup kuat untuk menjadi penyebab kepada sesuatu perubahan tetapi ia berfungsi selaku penyumbang kepada perubahan pemikiran sesebuah masyarakat. Elisabeth Noelle Neumann (1974) dalam rencananya, *The Spiral of Silence: A Theory of Public Opinion*, berpendapat bahawa

media tidak mempunyai kesan dalam jangka masa yang pendek, tetapi kesannya yang kuat boleh dilihat dalam jangka waktu yang panjang. Teori kesan kumulatif merumuskan bahawa khalayak akan terpengaruh dengan media jika mesej yang hendak disampaikan itu disalurkan ke dalam pelbagai saluran media yang ada. Secara psikologinya, kita dapati kebanyakan golongan masyarakat yang berpegang pada pandangan yang dominan akan selalu menyuarakan pandangan mereka dalam media massa ini.

2.5.4 Teori Penentuan Agenda

Pendekatan lain yang boleh dilihat dalam konteks kesan media terhadap khalayak ialah ‘Teori Penentuan Agenda’. Teori ini mengandaikan bahawa media boleh mempengaruhi pendapat awam sekiranya ia memberikan lebih tumpuan kepada beberapa isu penting dan mengurangkan perhatian kepada isu yang lain. Menurut McCombs dan Shaw (1976), menyatakan khalayak bukan sahaja mempelajari tentang isu awam dan perkara lain melalui media, tetapi mereka juga mahu mempelajari sejauh mana kepentingan isu atau topik tertentu melalui tumpuan perhatian yang diberikan oleh media.

Dalam pendekatan ini, kita dapat melihat bahawa kerajaan telah mewujudkan laman web mereka sebagai saluran kepada projek *MSC*. Semua maklumat yang berkaitan dengan aplikasi multimedia dimuatkan ke dalamnya untuk sumber pengetahuan dan makluman kepada khalayak. Dalam konteks ini, sejauh mana pula laman ini boleh diterokai oleh golongan sasaran? Kajian ini akan berbalik kepada keberkesanan peranan media dan penerimaan golongan sasaran berdasarkan keprihatinan yang terhasil daripada pengamatan dalam diri mereka.

Oleh yang demikian, kajian tidak boleh mengetepikan pendekatan Teori Penentuan Agenda kerana dalam projek pembangunan *MSC* ini kerajaan memainkan peranan penting dalam media tersebut. Peranan yang dimainkan ialah mempengaruhi fikiran khalayak melalui ‘agenda’ yang telah dirancangkan selaras dengan RMKe-8. Melalui agenda ini, kerajaan telah membina dan mengukuhkan prasarana berdasarkan pertambahan peruntukan yang banyak dengan hasrat untuk menjadikan masyarakat Malaysia ‘kaya maklumat’ menjelang tahun 2020.

Menurut Littlejohn (1996), proses penetapan agenda kebanyakannya tertumpu pada (a) keutamaan isu yang dibincangkan oleh pihak media atau penentu agenda media, (b) fakta yang boleh dipercayai, (c) penyelesaian terhadap sesuatu masalah, (d) perkara yang akan difikirkan oleh khalayak, dan (e) menentukan apa yang patut diketahui oleh khalayak.

Menurut teori ini lagi, media hanya berpengaruh menyusun agenda sahaja tetapi masih tidak kuat untuk membentuk keprihatinan khalayak. Mereka berpendapat bahawa “*media do not tell people what to think, but tell them what to think about*”. Khalayak masih mempunyai kuasa untuk membuat keputusan berdasarkan keprihatinan dan pengamatan mereka. Maxwell McCombs dalam artikel internet beliau yang berjudul, *The Agenda Setting Role of the Mass Media in Shaping of Public Opinion*, mengusul idea berdasarkan bukti daripada kajiannya yang terkini bahawa Penentuan Agenda mempunyai pengaruh yang kuat terhadap persepsi khalayak. Menurut McCombs lagi, media yang menggunakan Penentuan Agenda mempengaruhi proses komunikasi yang seterusnya, begitu juga dengan pemahaman dan perspektif khalayak terhadap sesuatu isu yang dibangkitkan.

Menurut Tulving dan Schacter (1990), untuk membentuk pendapat* khalayak, pendekatan *priming* dalam Penentuan Agenda digunakan. *Priming* ialah pengalaman atau ingatan yang terpendam dalam kognisi individu yang membantu individu menghubung dan mengenali perkataan atau objek untuk dikaitkan dengan dunia nyata. Allen *et al.* (1994), menyatakan bahawa tindakan media membuat *framing* dan *priming* menyebabkan individu memahami dan mentafsir maklumat secara selektif. Percubaan ini telah dibuat ke atas kajiannya di Amerika Syarikat sebelum Perang Teluk 1991 tercetus yang menunjukkan bahawa pendapat khalayak berubah daripada antipeperangan kepada protindakan militari akibat daripada laporan media massa yang menyokong tindakan militari diambil.

Pendekatan ini mungkin berkesan dalam konteks mengkaji keprihatinan golongan pelajar terhadap pelaksanaan *MSC*. Unsur *framing* dan *priming* ini berupaya mengetengahkan maklumat aplikasi ini dan secara tidak langsung akan terus dapat mengaitkan pengalaman kognisi pelajar supaya bertindak terhadap unsur yang dipaparkan. McCombs berpendapat bahawa unsur *framing* dan *priming* bukan sahaja berupaya mengetengahkan berita yang terpilih malah juga membentuk pendapat khalayak dengan menghubungkaitkan pengalaman kognisi mereka dengan unsur dalam berita.

Dengan ini, tindakan dapat dicetuskan. Rumusannya, Penentuan Agenda dari aspek *framing* dan *priming* boleh menimbulkan kesan media yang kuat untuk membentuk keprihatinan dan pendapat khalayak.

* ‘pendapat’ dalam konteks ini boleh dirujuk kepada perkataan ‘keprihatinan’ kerana makna pandapat akan menjelaskan bahawa seseorang itu telah prihatin secara bersungguh-sungguh dan akhirnya memahami serta boleh memberikan pendapat dan pandangan.

2.5.5 Teori Perhubungan Awam

Konsep yang hampir dan boleh dikaitkan dengan pendekatan ini ialah konsep perhubungan awam. Menurut John Cameron Aspley (1961) dalam bukunya berjudul, *The Dartnell Public Relations Handbook* mendefinisikan perhubungan awam sebagai tujuan untuk menjalankan hubungan muhibah dan kepercayaan orang ramai serta keyakinan dalam perusahaan sesebuah syarikat atau terhadap seseorang. Tujuan perhubungan awam adalah untuk mendapatkan pengertian terhadap organisasi yang menjalankan kegiatan dan memberikan wajah yang positif terhadap organisasi tersebut. Pendekatan ini tidak menyerupai konsep pengiklanan. Malah ia merupakan usaha mentafsir dan berkomunikasi secara dua hala. Ia bertujuan mentafsir sudut pandangan orang ramai terhadap pihak pengurusan dan menyampaikan polisi dan aktiviti mereka kepada masyarakat dengan tujuan untuk mendapatkan sokongan.

Oleh yang demikian, fungsi yang dimainkan oleh perhubungan awam adalah untuk merancang sesuatu tindakan atau usul untuk dipaparkan kepada khalayak. Dalam kajian ini, *MDC* bertindak selaku alat kepada perhubungan awam bagi menyampaikan mesej kerajaan. Mesej yang diterima akan diolah, dirumus dan diteliti kewajarannya sebelum disalurkan ke dalam media yang difikirkan berkesan untuk penyebaran maklumat. Kerapian peranan yang dimainkan oleh pegawai perhubungan awam penting bagi mewujudkan suasana yang harmonis di kalangan masyarakat. Philip Lesly (1972), membuat kesimpulan bahawa kegiatan perhubungan awam harus didahului oleh pengetahuan tentang sikap yang membentuk dan mempengaruhi orang ramai. Mengikut beliau faktor yang mempengaruhi sikap orang ramai perlu dilihat melalui (a) analisis suasana kerja, sikap serta hubungan di sekitarnya, (b) menganalisis tentang pendapat umum mereka, (c) memperbaiki sikap kelompok berdasarkan perbezaan dengan orang

ramai, (d) melaksanakan rancangan sepetimana yang dirancangkan, (e) mewujudkan formula kebijaksanaan dalam melaksanakan kerja, dan (f) berusaha mendapatkan maklumat dan melaksanakan penilaian dan penyesuaian terhadapnya.

2.5.6 Teori Pemimpin Pendapat

Kenyataan di atas juga mempunyai perkaitan yang kuat dengan pendekatan pengaruh maklumat daripada ‘Pemimpin Pendapat’. Dalam pendekatan perhubungan awam, orang yang mengendalikan tugas ini merupakan perantara di antara pihak atasan selaku penyampai maklumat dengan golongan yang menerima maklumat atau golongan sasaran. Mereka merupakan pengendali yang menyambut saranan lantas menyebarkannya kepada sasaran. Tetapi dalam konteks Pemimpin Pendapat, maklumat yang disampaikan oleh seseorang pemimpin itu mungkin mempengaruhi dan berkesan kepada penerima. Pendekatan ini diperkuatkan lagi dengan penemuan hasil kajian Paul Lazarsfeld (1944) dari University Columbia. Beliau telah menjalankan kajian terhadap kelakuan pengundi di Erie Countie, Ohio dan mendapati bahawa pengundi cenderung dipengaruhi oleh maklumat daripada Pemimpin Pendapat dan bukannya bergantung pada maklumat daripada media. Ekoran ini, Lazarsfeld mengemukakan teori *Two Step Flow* yang menekankan bahawa *the mass media influence certain individuals and the individuals personally influence others*.

Menurut beliau lagi, Pemimpin Pendapat ini adalah orang yang mendapat lebih maklumat daripada orang biasa dan juga media lain seperti surat khabar, majalah, buku, internet, radio dan televisyen. Mereka ini merupakan sumber rujukan kepada orang yang kurang maklumat dan kurang bergantung kepada media. Memperkuatkan lagi teori ini, Paul Lazarsfeld *et al.* (1975) dalam kajian mereka bertajuk, *The Social*

Relationships Perspective telah mengemukakan idea bahawa perhubungan tidak formal di antara sesama individu sangat memberi kesan yang kuat daripada kesan yang ditinggalkan oleh media. Dalam soal membuat keputusan pula, kebiasaannya orang akan mencari Pemimpin Pendapat. Beliau biasanya lebih mengetahui tentang sesuatu perkara disebabkan oleh kedudukan sosialnya dan jumlah maklumat yang diterima. Oleh kerana jumlah maklumat yang diterima adalah banyak maka seseorang Pemimpin Pendapat itu biasanya boleh membuat keputusan yang lebih tepat.

Clifford T. Morgan (1961) dalam bukunya, *Introduction to Psychology* mendefinisikan pemimpin sebagai seorang yang dapat mempengaruhi sesuatu kelompok sehingga kelompok itu akan menerima dan menjalankan apa yang disyorkan oleh orang yang dianggap pemimpin mereka. Ciri seorang pemimpin yang boleh menarik minat khalayak atau seorang pemimpin yang berkarisma ialah mempunyai ketegasan, fasih berbicara, mempunyai sikap percaya pada diri sendiri, giat menyertai perbincangan, memperlihatkan pergantungan masyarakat kepadanya dan popular dalam kelompoknya. Maka pemimpin ini akan berjaya memikat hati khalayak untuk mengikuti aliran dan arahannya.

Namun, pendekatan yang menyokong teori *Two Step Flow* ini ada kelebihannya kerana tidak semua individu menjadi pengikut yang setia kepada Pemimpin Pendapat yang hanya bertujuan untuk mendapatkan maklumat semata-mata. Tambahan pula, dunia kini telah mengalami banyak perubahan dari segi perkembangan dan peningkatan *ICT*. Maka khalayak tidak perlu bergantung kepada pemimpin untuk mendapatkan maklumat, tetapi peranan yang dimainkan olehnya dalam waktu dan isu yang tertentu mungkin turut memberikan kesan yang amat positif kepada perkembangan negara.

Walau apapun, dalam negara yang sedang pesat membangun ini, kita dapatkan pembangunan yang selari dalam pelbagai bidang akan berlaku dan sekaligus berlaku pertembungan. Situasi ini memperlihatkan wujudnya pembangunan negara serentak perkembangan media dan budaya yang pelbagai. Perkembangan ini memungkinkan berlakunya satu keadaan yang diragui terutama sekali tentang perkembangan media khususnya media elektronik. Menurut teori Kekayaan Media (*Media Richness Theory*) yang diperkenalkan oleh Daft dan Lengel (1984), menyatakan bahawa manusia ingin mengatasi kesamaran dan ketidakpastian maklumat. Teori ini turut beranggapan terdapat pelbagai media lain yang biasa digunakan dan mampu memberikan kesan yang lebih baik berbanding media yang ada. Kekayaan memperlihatkan keupayaan media membawa kadar maklumat dalam aspek (a) memberikan timbal balas maklumat secara cepat dan pantas, (b) terdapatnya isyarat dan saluran yang pelbagai dalam gabungan deria untuk pemahaman, (c) maklumat yang dikongsi lebih mirip kepada maklumat peribadi yang harus dirahsiakan, dan (d) pelbagai bahasa, verbal dan bukan verbal dapat dirasai bersama.

Pendekatan teori ini memberikan implikasi bahawa media yang pelbagai turut menghasilkan lempahan maklumat yang pelbagai juga. Maklumat yang terlalu banyak akan menjurus kepada tindak balas yang menjemukan dan akhirnya individu tidak mempunyai keyakinan akan kesahihan fakta maklumat tersebut. Inilah faktor yang agak menggugat kedudukan golongan pelajar dalam pembangunan Masyarakat Bermaklumat secara global.

Secara keseluruhannya, kajian ini lebih mirip tertumpu kepada keberkesanan saluran media yang digunakan bertujuan untuk melihat tahap keprihatinan golongan pelajar terhadap pelaksanaan *MSC*. Bab ini banyak memaparkan penulisan teori tentang

ICT, Teori Komunikasi Pembangunan, Teori Masyarakat Berilmu, Teori Anjakan Paradigma dan sebagainya. Semua ini mempunyai kaitan dengan pelajar iaitu subjek yang difokuskan dalam kajian.

Dengan gabungan semua faktor yang saling berkesinambungan ini maka kajian akan menjurus kepada sikap kesungguhan, kepekaan dan keprihatinan mereka tentang minat, keupayaan, kepercayaan, ketajaman fikiran, semangat kreativiti dan inovasi. Justeru itu, kajian diharap akan dapat menghasilkan dapatan yang jelas dan baik dengan cadangan penambahbaikan bagi membantu pengkaji lain membuat rujukan selanjutnya.